

KOLEKSI KISAH REALITI. ASPIRASI. INSPIRASI

#INI CERITA OSAYA

JILID KE-3

realiti.
aspirasi.
inspirasi.

tunas
skil
profesional



#INI CERITA SAYA

JILID KE-3

Diterbitkan oleh
YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA
Tingkat 15-1, Mercu UEM, Jalan Stesen Sentral 5,
KL Sentral, 50470, Kuala Lumpur.

© YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA, 2022

Cetakan Jilid Pertama 2015
Cetakan Jilid Ke-2 2017
Cetakan Jilid Ke-3 2022

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, foto dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan apa juga cara sama ada dalam bentuk elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

KANDUNGAN



- Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)**
YB Datuk Dr. Abd Latiff Ahmad

04



- Nukilan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Peneraju**
Ts. Dr. Mohd Muzzammil Ismail CIHM, MAFM,
AIH, MMIM, P.TECH

08



- Mengenai Kami**

12



- #iniceritasaya**
Kisah-kisah Realiti. Aspirasi. Inspirasi
Penerima-penerima Faedah Peneraju Tunas

15



- #iniceritasaya**
Kisah-kisah Realiti. Aspirasi. Inspirasi
Penerima-penerima Faedah Peneraju Skil

37



- #iniceritasaya**
Kisah-kisah Realiti. Aspirasi. Inspirasi
Penerima-penerima Faedah Peneraju Profesional

59



- Senarai Program Pembiayaan Yayasan Peneraju**

76



PERUTUSAN MENTERI

di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum W.B.T dan Salam
Sejahtera**

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas kepada pasukan Yayasan Peneraju atas komitmen dan kerja keras mereka sehingga berjaya menerbitkan buku kompilasi #IniCeritaSaya jilid ke-3 ini. Ucapan tahniah juga saya tujukan kepada anak-anak Yayasan Peneraju yang sudi berkongsi kisah-kisah kejayaan mereka sebagai sumber inspirasi kepada anak bangsa.

Pepatah Melayu ada menyebut, "Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya", begitu juga dengan kejayaan, tidak mungkin akan dapat diperolehi dan dikecapi tanpa adanya usaha dan pengorbanan.

Sesungguhnya, kejayaan bukan datang secara bergolek, tetapi hadir dengan usaha dan disusuli dengan iltizam yang tinggi demi mencapai cita-cita yang disasarkan.

Saya percaya inilah semangat juang yang ada pada diri anak-anak Yayasan Peneraju yang berusaha mendaki puncak agar dapat mencapai impian masing-masing.

Naskhah #IniCeritaSaya cukup istimewa. Ia adalah nukilan kisah realiti, aspirasi dan inspirasi yang memaparkan bagaimana setiap individu yang berlainan umur, latar belakang, tahap pendidikan, pengalaman dan matlamat hidup melakukan sesuatu yang hebat dan berjaya mengubah kehidupan mereka. Pada naskhah kali ini, seramai 45 individu terpilih akan berkongsi kisah perjuangan mereka dalam merealisasi aspirasi masing-masing. Saya berharap agar perkongsian mereka ini mampu memberi inspirasi kepada kita untuk terus cekal dalam perjuangan mengejar cita-cita.

Seperti yang kita sedia maklum, Yayasan Peneraju meraikan sedekad penubuhannya pada bulan Februari 2022. Satu dekad yang menjadi manifestasi kepada kerja keras, pengorbanan serta kecekalan seluruh warga kerja Yayasan Peneraju demi merubah lebih 50,000 impian menjadi kenyataan, setakat ini.

Syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan Peneraju yang telah berjaya melaksanakan mandat memperkasa modal insan Bumiputera terutama meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing mereka dalam dunia yang semakin mencabar masa kini.

Melangkah ke hadapan, saya percaya Yayasan Peneraju sudah bersiap sedia untuk terus berusaha mengukuh dan membina kapasiti lebih ramai modal insan Bumiputera yang berkualiti dan berkemahiran tinggi berdasarkan permintaan industri dan pasaran.

Marilah kita meraikan kejayaan kesemua anak-anak ini. Nasihat saya kepada anak-anak Yayasan Peneraju, hargailah bantuan yang diberikan. Saya berharap perjalanan anak-anak dalam merealisasi aspirasi akan diper mudahkan. Anak-anak mesti berani mengimpiaskan perkara yang mustahil, bermuhasabah dan tidak mudah berputus asa untuk melakukan sesuatu yang hebat demi memajukan diri dan keluarga.

Anda semua adalah pemimpin.

Kisah anda, kejayaan anda, tidak kira betapa kecil yang anda fikirkan, mampu memberi inspirasi bukan sahaja kepada rakan-rakan di dalam keluarga Yayasan Peneraju sendiri malah kepada modal insan Bumiputera di luar sana yang sedang mencari peluang untuk mengubah nasib dan mencapai impian masing-masing.

“Usaha tangga kejayaan”.

Peribahasa yang sering kita dengar. Umpama menaiki tangga, tanpa usaha, pasti tidak akan dapat mendaki untuk

“Usaha tangga kejayaan”.

Peribahasa yang sering kita dengar.

Umpama menaiki tangga, tanpa usaha, pasti tidak akan dapat mendaki untuk ke puncak yang tinggi. Selangkah demi selangkah kaki diangkat, perlukan kudrat dan tenaga serta iltizam yang kuat.



ke puncak yang tinggi. Selangkah demi selangkah kaki diangkat, perlukan kudrat dan tenaga serta iltizam yang kuat.

Saya percaya, anak-anak semua mampu lakukan yang terbaik dan kami akan sentiasa mendoakan semoga anak-anak sekalian akan menjadi individu yang berjaya dan menyumbang jasa demi memartabatkan agama, bangsa dan negara.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah,
Assalamualaikum W.B.T.

YB Datuk Dr. Abd Latiff Ahmad

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Tugas-tugas Khas)



NUKILAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF Yayasan Peneraju

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum W.B.T Salam
Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia**

Penularan pandemik COVID-19 yang bermula pada akhir tahun 2019 telah menyebabkan satu dunia hidup dalam dunia baharu dan norma baharu. Wabak ini telah memberi impak besar kepada seluruh ekosistem negara meliputi politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan.

Syukur, dalam kepayahan ini, berkat kerja keras dan komitmen warga Yayasan Peneraju, kami telah berjaya merealisasikan aspirasi lebih 50,000 bakat-bakat Bumiputera menerusi lebih 370 program pembiayaan akademik, pensijilan TVET, profesional, teknologi dan spesialis.

Di Yayasan Peneraju, kami sentiasa memastikan program-program yang ditawarkan adalah berkualiti tinggi dan *in-demand*, seterusnya meningkatkan kebolehpasaran para penerima faedah.

Secara peribadi dan tulus ikhlas, saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada

anak-anak Yayasan Peneraju yang sudi berkongsi cerita kejayaan mereka di dalam naskhah #IniCeritaSaya ini. Moga nukilan dan penceritaan ini memberi inspirasi dan semangat kepada pembaca dalam berdepan persekitaran tidak menentu (*volatility*), tiada kepastian (*uncertainty*), kompleks (*complexity*) dan kabur (*ambiguity*) atau lebih dikenali sebagai VUCA yang pastinya penuh dengan cabaran.

Sebagai sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Yayasan Peneraju sentiasa peka dan memastikan penerima faedah yang mengikuti program dilengkapkan dengan kemahiran insaniah, sahsiah dan kepimpinan di samping kemahiran serta ilmu teknikal agar mereka lebih *marketable* dan *employable*.

Situasi perubahan industri dan corak pendidikan yang pantas berubah memerlukan kita semua untuk “*Reset and Recharge*” jika kita mahu berdaya saing dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Dalam masa yang sama, Yayasan Peneraju kini di dalam fasa penambahbaikan prosedur, tadbir urus

operasi standard dan pengemaskinian teknologi automasi penyimpanan data maklumat (ERP) bagi mempersedia organisasi ke arah kerja yang lebih efisien.

Sesungguhnya, persekitaran kerja yang pantas berubah, pertumbuhan ekonomi gig dan peralihan model perniagaan serta rantaian bekalan global adalah antara faktor yang dipertimbangkan dalam merangka strategi melahirkan lebih ramai bakat Bumiputera di luar sana selari dengan pelan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030).

Saya optimis dengan Yayasan Peneraju yang meraikan ulang tahun ke-10 penubuhannya pada bulan Februari, akan terus menjadi institusi harapan yang prihatin khususnya kepada belia harapan bangsa. Seterusnya, marilah kita berdoa agar Yayasan Peneraju terus diberikan kepercayaan untuk meningkatkan kualiti, kuantiti dan kerelevan bakat-bakat Bumiputera sejarah dengan usaha menaiktaraf Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi.

Syabas di atas kreativiti pasukan editorial dan komitmen seluruh warga kerja Yayasan Peneraju atau suka saya gelar sebagai 'YHeroes' dalam menerbitkan #IniCeritaSaya jilid ketiga ini.

Sekian, dengan ingatan tulus ikhlas dan salam mesra.

Ts. Dr. Mohd Muzzammil Ismail CIHM,
MAFM, AIH, MMIM, P.TECH

Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera

**Sesungguhnya
persekitaran kerja
yang pantas
berubah,
pertumbuhan
ekonomi gig
dan peralihan
model perniagaan
serta rantaian
bekalan global
adalah antara
faktor yang
dipertimbangkan
dalam merangka
strategi melahirkan
lebih ramai bakat
Bumiputera di luar
sana selari dengan
pelan Tindakan
Pembangunan
Bumiputera 2030
(TPB2030).**



MENGENAI KAMI

Latar Belakang

1 PENUBUHAN

24 November 2011
dan mula
beroperasi pada
14 Februari 2012



2 INISIATIF

Di bawah Hala
Tuju Transformasi
Ekonomi
Bumiputera



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)

**YB Datuk Dr.
Abd Latiff Ahmad**

3 OBJEKTIF

Meningkatkan
kualiti, kuantiti dan
kerelevan Bakat
Bumiputera melalui
pendidikan akademik,
pensijilan TVET,
profesional, teknologi
dan spesialis



5

Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Peneraju

**Ts. Dr. Mohd
Muzzammil Ismail**

CIHM, MAFM, AIH, MMIM, P.TECH



6 KOMITMEN KAMI

- 1 Pendapatan Tinggi
- 2 Peluang Pekerjaan
- 3 Program Pemupukan Dan Pembangunan Diri
- 4 Pensijilan Industri/Antarabangsa/Profesional
- 5 Pendidikan/Latihan Berkualiti

7 SASARAN 2022

Membangunkan lebih 8,000 penerima faedah baharu dalam sektor tambah nilai dan berkepakanan tinggi seperti berikut:



SEKTOR

	Minyak & Gas		02 Hospitaliti
	Pembuatan		Teknologi Maklumat & Komunikasi
	Tenaga		Kewangan & Perkhidmatan Perniagaan
	Pembinaan		Teknikal
	Automotif		Pendidikan
	Logistik		Kesihatan

PENCAPAIAN TERKINI (2012 – 2021)*



LEBIH
370 PROGRAM PEMBIAYAAN DITAWARKAN

LEBIH
RM 939 JUTA GERAN KERAJAAN

#IniCeritaSaya
Kisah-kisah Realiti. Aspirasi. Inspirasi.

Penerima-penerima Faedah



PENERAJU TUNAS

**Program pembiayaan pendidikan untuk
pelajar sekolah rendah, menengah
dan pengajian tinggi yang berpotensi,
berpendapatan isi rumah rendah (B40) dan
dari latar belakang yang mencabar bagi
mendapatkan pendidikan berkualiti**





PENERAJU TUNAS GELIGA

Nur Nabilah Abdul Ghani

20 TAHUN • KEDAH



UPSR - 5A,
PT3 & SPM - 9A

- Anak bongsu daripada 4 adik-beradik
- Pelajar cemerlang dan pencapaian akademik konsisten sepanjang pengajian di MRSM Taiping
- Penerima anugerah Yayasan Peneraju STAR Awards 2019, Gold Award Innovation Exhibition Fair 2019, Naib Johan International Chemistry Quiz & Malaysia Technology Expo 2020 (Asian Youth Innovation Award)
- Sedang mengikuti pengajian Asasi Perubatan di Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kelantan di bawah tajaan Young Talent Development Programme (YTP) - MARA
- Bercita-cita untuk melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan perubatan di India



PENERAJU TUNAS GELIGA

Muhammad Aliff Aryan Aziz



19 TAHUN • KEDAH

UPSR – 5A, PT3 – 10A &
SPM – 9A

- Anak bongsu daripada 3 adik-beradik
- Diuji dengan kehidupan yang mencabar seawal usia 8 tahun di mana kedua ibu bapanya berpisah
- Ibunya meninggal dunia pada hari pendaftaran persekolahan menengah
- Mendapat penempatan di SMS Tuanku Syed Putra, Perlis
- Penerima Anugerah Emas dalam Pertandingan Pengucapan Awam di Festival Sains & Akademik di Thailand, Anugerah GRIT (Majlis Graduasi Tunas Geliga 2019) serta Tokoh Nilam Negeri Perlis sebanyak dua kali
- Bercita-cita untuk menjadi penganalisis kewangan
- Sedang mengikuti Program Pra-Universiti di Kolej MARA Banting sebelum melanjutkan pengajian ke United Kingdom di bawah tajaan JPA - MARA



PENERAJU TUNAS GELIGA

Nourisya Nazriena Nor Risam



19 TAHUN •
TERENGGANU
—
UPSR - 4A
PT3 & SPM - 9A

- Anak ke-2 daripada 5 adik-beradik
- Ibu bapanya berpisah sejak umur 4 tahun dan menetap dengan ibunya
- Berjaya mendapat penempatan di SM Sains Sultan Mahmud (SESMA) bagi pengajian menengah rendah dan MRSM Besut bagi pengajian menengah atas
- Berasa tertekan & tersisih kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran di SBP dan keupayaannya selalu dipandang rendah
- Telah buktikan sebaliknya dengan peningkatan pencapaian akademik yang konsisten
- Kini merupakan pelajar Diploma in Occupational Safety and Health di DRB-HICOM University of Automotive Malaysia di bawah tajaan Dermasiswa B40 JPA



PENERAJU TUNAS GELIGA

Mohamad Rahizan Haikal Mohamad Rashid



18 TAHUN • JOHOR

UPSR - 5A,
PT3 & SPM - 9A

- Anak ke-4 daripada 5 adik-beradik
- Menetap dengan ibu sejak umur 11 tahun selepas ibu bapa berpisah
- Memulakan pengajian menengah rendah di MRSM Muar dan berpindah ke MRSM Tun Ghaffar Baba bagi pengajian menengah atas
- Penerima Anugerah Pengetua setiap tahun kerana konsisten mencapai PNGK 3.80 ke atas & Anugerah GRIT (Majlis Graduasi Tunas Geliga 2020)
- Bercita-cita untuk menjadi seorang jurutera, kini seorang pelajar jurusan kejuruteraan di Universiti Teknologi Petronas (UTP) di bawah tajaan YTP – MARA



PENERAJU TUNAS GELIGA

Nurul Aidasyafikah Mat Arif



19 TAHUN •
TERENGGANU

UPSR - 5A, PT3 - 13A &
SPM - 12A

- Anak ke-7 daripada 9 adik-beradik
- Bekas pelajar SM Imtiaz YT, Kuala Terengganu ini menonjolkan kecermerlangan dalam akademik dan kokurikulum yang memberangsangkan sepanjang perjalanan menimba ilmu
- Ciri-ciri pemimpin berwibawa terserlah sejak di sekolah menengah
- Menghabiskan 30 juzuk Hafazan Al-Quran semasa berada di Tingkatan 4
- Melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Farmasi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



PENERAJU TUNAS AZAM *

Kennedy Anak Chat



20 TAHUN • SARAWAK

UPSR - 4A , PT3 - 7A &
SPM - 8A

- Anak ke-3 daripada 4 adik-beradik
- Pemuda dari suku kaum Iban ini menetap di Asrama Yayasan Kemajuan Sarawak (YAKIN), Kuching sejak tingkatan 1
- Berbekalkan keazaman untuk membantu ibu bapa, pencapaian akademiknya sentiasa konsisten & sangat aktif dalam aktiviti sekolah ketika menjadi pelajar di SMK Tinggi Kuching
- Penerima anugerah Yayasan Peneraju STAR Awards 2019 ini sedang melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kimia (Analisis Forensik) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dengkil

* Program pembiayaan merangkumi Program Bantuan Akademik Murid (PBAM) dan Program Pemupukan dan Pembangunan Murid (PPPM) kepada murid-murid di rumah kebajikan atau rumah anak yatim yang bekerjasama dengan Yayasan Peneraju.



PENERAJU TUNAS AZAM *

McAldouf Gibbs Anak Maket

19 TAHUN • SARAWAK



UPSR - 5A, PT3 - 5A &
SPM - 6A

- Anak sulung daripada 4 adik-beradik
- Anak Bidayuh ini menetap di Asrama YAKIN, Kuching untuk mendapatkan bantuan bagi menyambung pelajaran di SMK Tinggi Kuching dan meringankan beban tanggungan bapa
- Merupakan seorang pelajar cemerlang akademik dan pelajar yang aktif dalam kurikulum & sukan di SMK Tinggi Kuching
- Mendapat keputusan PNGK 3.47 bagi pengajian Asasi Sains Hayat dan kini adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Sumber di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

* Program pembiayaan merangkumi Program Bantuan Akademik Murid (PBAM) dan Program Pemupukan dan Pembangunan Murid (PPPM) kepada murid-murid di rumah kebajikan atau rumah anak yatim yang bekerjasama dengan Yayasan Peneraju.



PENERAJU TUNAS AZAM *

Siti Amalin Aisyah Zanzuri



19 TAHUN •
KUALA LUMPUR
—
UPSR - 3A,
PT3 & SPM - 6A

- Anak ke-2 daripada 4 adik-beradik
- Menetap di rumah kebajikan sejak umur 13 tahun kerana masalah keluarga
- Hanya dibenarkan untuk berjumpa dengan penjaga pada masa cuti sekolah sahaja
- Bermula dengan pencapaian yang sederhana, beliau dengan sedaya-upaya memantapkan lagi dirinya dalam akademik
- Usaha bekas pelajar SMK Dato' Sedia Raja, Rembau ini akhirnya membawakan hasil apabila beliau berjaya mencapai keputusan cemerlang dan kini merupakan pelajar Diploma Perakaunan di UiTM Alor Gajah, Melaka

* Program pembiayaan merangkumi Program Bantuan Akademik Murid (PBAM) dan Program Pemupukan dan Pembangunan Murid (PPPM) kepada murid-murid di rumah kebajikan atau rumah anak yatim yang bekerjasama dengan Yayasan Peneraju.



PENERAJU TUNAS AZAM *

Darryl Ashly Anak Danny

19 TAHUN • SARAWAK



UPSR, PT3 & SPM - 4A

- Anak ke-2 daripada 4 adik-beradik
- Anak Bidayuh ini berasal daripada keluarga sederhana dan tidak mempunyai pendapatan yang tetap
- Menetap di Asrama YAKIN sejak tingkatan 1 untuk mendapatkan pelajaran di bandar untuk pendidikan yang lebih baik
- Bekas pelajar SMK Tinggi Kuching ini sangat aktif dalam bidang sukan & kokurikulum
- Pada awalnya tidak yakin dengan diri sendiri tetapi berjaya mendapat keputusan SPM yang baik dan kini sedang melanjutkan pengajian STPM di SMK St Thomas

* Program pembiayaan merangkumi Program Bantuan Akademik Murid (PBAM) dan Program Pemupukan dan Pembangunan Murid (PPPM) kepada murid-murid di rumah kebajikan atau rumah anak yatim yang bekerjasama dengan Yayasan Peneraju.



PENERAJU TUNAS AZAM *

Muhammad Aidil Ismail



19 TAHUN • SELANGOR

UPSR – 3A, PT3 – 5A &
SPM – 4A

- Anak ke-5 daripada 7 adik-beradik
- Menetap di Kompleks Darul Kifayah sejak tingkatan 1 atas faktor kewangan keluarga
- Bekas pelajar SMK Dato' Ibrahim Yaacob ini memberi lebih perhatian dalam pembelajaran kerana tekad untuk mengubah nasib keluarga
- Dinobat Pelajar Terbaik Keseluruhan 2019 atas pencapaian cemerlang dan konsisten dalam akademik & kurikulum serta pencapaian terbaik untuk subjek Matematik dan Biologi
- Kini sedang melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia di Universiti Malaya (UM) dengan bantuan pembiayaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

* Program pembiayaan merangkumi Program Bantuan Akademik Murid (PBAM) dan Program Pemupukan dan Pembangunan Murid (PPPM) kepada murid-murid di rumah kebajikan atau rumah anak yatim yang bekerjasama dengan Yayasan Peneraju.



PENERAJU TUNAS POTENSI

Harziah Khalid Yunus

30 TAHUN • SABAH



PENERIMA ANUGERAH
PINGAT EMAS
CANSELOR UUM

- Anak ke-2 daripada 5 adik-beradik
- Tidak dapat melihat sejak lahir, gadis Bajau ini terpaksa berhenti sekolah pada usia 7 tahun kerana cikgu tidak dilatih untuk mengajar pelajar OKU
- Kembali ke alam persekolahan (pendidikan khas) pada usia 10 tahun dan terus menimba ilmu sehingga tamat STPM dengan keputusan 3A
- Tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan di Universiti Utara Malaysia (UUM) setahun lebih awal dengan PNGK 3.70
- Penerima anugerah Pingat Emas Canselor UUM 2017, Anugerah Nadi Negara 2017 dan The Most Inspiring Award 2019 (Yayasan Peneraju STAR Awards)
- Dilantik sebagai Pengurus Youth Development bagi National Council for the Blind Malaysia dan merupakan salah seorang Ikon Penasihat Belia Yayasan Peneraju
- Pemegang Ijazah Sarjana Sains Pengurusan dari UUM ini kini berkhidmat sebagai seorang tutor di universiti yang sama
- Aktif menyampaikan ceramah motivasi kepada pelajar sekolah dan universiti



PENERAJU TUNAS POTENSI

Susan Balong



28 TAHUN • SARAWAK

GURU PEMBANGUN
KOMUNITI

- Anak bongsu daripada 3 adik-beradik
- Mendapat tawaran oleh Yayasan Peneraju untuk melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kewangan & Perakaunan di Asia Pacific University (APU) dan tamat pengajian dengan PNGK 3.60
- Gadis Lun Bawang ini pernah mengikuti program Teach for Malaysia (TFM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan berkhidmat sebagai guru Bahasa Inggeris di SMK Bugaya, Semporna selama 2 tahun
- Membimbing dan menyelia pelajar untuk menyertai pertandingan Students Doing Good, kerjasama antara Roots & Shoots Malaysia dan TFM. Hasil ciptaan mereka iaitu Ecobricks Educational Garden telah dinobatkan sebagai juara
- Berjaya mendapat tawaran oleh KPM untuk menjadi guru tetap bagi subjek Bahasa Inggeris di sekolah yang sama
- Dilantik sebagai salah seorang Ikon Penasihat Belia Yayasan Peneraju pada tahun 2021



PENERAJU TUNAS POTENSI

Ain Najwa Arba'in

24 TAHUN • SELANGOR



BERJAYA TAMAT
PENGAJIAN DENGAN
PNGK 3.94

- Anak sulung daripada 4 adik-beradik
- Seorang anak yatim yang dibesarkan oleh ibu tunggal setelah pemergian arwah bapanya
- Ibunya tekad bekerja untuk menyara keluarga dan sering mengalami masalah kewangan untuk menampung kehidupan
- Mengambil peluang yang ditawarkan oleh Yayasan Peneraju dan meneruskan pengajiannya dalam bidang Sains Komputer (Data Sains dan Analisis) di APU dan berjaya tamat pengajian dengan PNGK 3.94
- Penerima Anugerah Pelajar Cemerlang Majlis Konvokesyen APU 2019, Consistent Academic Achievement Performer (Technology), Scholar Distinction & GRIT Award (The Rising Star Award 2020 Metropolitan Corridor) & mewakili universiti ke Dubai untuk program World Data Science Forum sebagai Duta Kampus
- Kini sedang membina kerjaya di salah sebuah syarikat penerbangan terkemuka di Asia sebagai seorang penganalisis data



PENERAJU TUNAS POTENSI

Noorhazwani Mohd Zain



27 TAHUN • KELANTAN

KIROPAKTOR WANITA
PERTAMA DI KELANTAN

- Anak ke-2 daripada 5 adik-beradik
- Menjadi kebanggaan keluarga kerana merupakan anak pertama yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kiropraktik di International Medical University (IMU)
- Menabur bakti di negeri kelahirannya selama 6 bulan setelah tamat pengajian pada tahun 2018 dan merupakan kiropraktor wanita pertama di Kelantan
- Tidak lama kemudian mendapat tawaran bekerja di sebuah klinik swasta di Seremban dan berharap dapat mengembangkan lagi ilmu pengetahuan dan mengasah lagi kemahiran yang sedia ada
- Pernah diberi peluang untuk bekerja bersama seorang kiropraktor dari luar negara yang mempunyai pengalaman luas dalam merawat pesakit yang memerlukan kepakaran kiropraktor
- Kini berkhidmat sebagai kiropraktor di Klinik Tulang Suria, Jitra, Kedah



PENERAJU TUNAS POTENSI

Muhamad Arif Shahariah



26 TAHUN •
KUALA TERENGGANU
—
DINOBATKAN
ANUGERAH PELAJAR
TERBAIK AKADEMIK

- Anak ke-8 daripada 9 adik-beradik
- Dilahirkan dalam keluarga besar, kehidupan keluarganya cukup mencabar di mana ibunya menderita lumpuh separuh badan
- Menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan di Management and Science University (MSU)
- Dinobatkan Anugerah Pelajar Terbaik Akademik dan President's List Award MSU
- Melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana dalam bidang bio-perubatan di MSU di bawah tajaan MSU dan seterusnya Ijazah Doktor Falsafah di Institute of Pharmacology di National Yang-Ming University, Taiwan di bawah Kementerian Sains dan Teknologi
- Pada masa yang sama, bekerja di Taipei Veteran General Hospital sebagai pembantu pegawai penyelidik sambil menjalani pengajiannya
- Kini berkhidmat di Pharmaniaga Research Centre sebagai Eksekutif Clinic Affairs, Unit Bioequivalence and Clinical Trial



PENERAJU TUNAS POTENSI

Iskandar Zulkarnaen Che Mohd Nor



26 TAHUN • KELANTAN

—
CITA-CITA MENJADI
SEORANG PEGUAM
TERCAPAI

- Anak sulung daripada 4 adik-beradik
- Diuji dengan dugaan yang cukup mencabar apabila ayah dan ibunya meninggal dunia ketika sedang melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Undang-undang di UiTM Shah Alam dengan tajaan Yayasan Peneraju
- Tekad untuk tamatkan pengajian walaupun sedang bergelut dengan emosi dan dihimpit dengan masalah kewangan kerana bertanggungjawab sebagai ketua keluarga kepada adik-adiknya
- Cita-citanya untuk menjadi seorang peguam tercapai setelah mendapat tawaran untuk berkhidmat di firma guaman berprofil tinggi sejurus selepas tamat pengajian
- Kini beliau bertugas sebagai Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara



PENERAJU TUNAS POTENSI

Zulfa Wahida Zakaria

25 TAHUN • KEDAH



BERGRADUAT DENGAN
DUA KELAYAKAN

- Anak bongsu daripada 4 adik-beradik
- Kehilangan tempat bergantung keluarga iaitu ayahnya ketika berumur 16 tahun
- Memilih bidang perakaunan sebagai pilihan pertama walaupun tiada pengetahuan asas perakaunan
- Terpilih untuk menjadi penerima faedah Yayasan Peneraju dan berjaya menjadi graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) dengan PNGK 3.77
- Pada masa yang sama, memperoleh pensijilan perakaunan profesional CPA Australia
- Memulakan kerjayanya di salah sebuah firma audit terkemuka di negara sebagai Audit Associate selepas tamat pengajian



PENERAJU TUNAS POTENSI

Natasha Stella Tibon



25 TAHUN • SABAH

—
TESIS DITERBITKAN DALAM
JURNAL TERKEMUKA

- Anak tunggal
- Gadis Sino Kadazan ini berhasrat untuk menjadi seorang saintis sejak berumur 7 tahun namun keluarga tidak dapat menampung kos pengajian
- Tidak berputus asa untuk mencari peluang bagi memenuhi cita-citanya dan akhirnya berjaya mendapat tawaran Yayasan Peneraju bagi kursus Ijazah Pharmaceutical Chemistry di International Medical University (IMU)
- Salah satu pencapaian terbesarnya adalah tesis tahun akhir telah diterbitkan dalam jurnal terkemuka yang bertajuk 'Current Progress in Antimalarial Pharmacotherapy and Multi-target Drug Discovery'
- Kini berkhidmat di Novugen Pharma (Malaysia) sebagai Analytical Executive



PENERAJU TUNAS POTENSI

Putra Nazaratunnaim Zaidi

23 TAHUN • JOHOR



OFFSHORE ROV PILOT,
AHLI PERNIAGAAN &
CONTENT CREATOR

- Anak ke-2 daripada 6 adik-beradik
- Aktif sejak sekolah rendah di mana beliau banyak terlibat dalam pelbagai pertandingan seperti debat, pengucapan awam, Matematik dan acara-acara di UTP
- Terpilih sebagai Duta JobStreet dan bertanggungjawab untuk mengurus acara Jobstreet di UTP serta turut membantu pelajar dari segi penulisan resume dan pencarian kerja
- Walaupun tamat pengajian dengan PNGK sederhana beliau berjaya mendapat tawaran pekerjaan pertama sebagai jurutera hanya selepas sebulan tamat pengajian
- Kini berkhidmat di syarikat multinasional sebagai Offshore ROV Pilot
- Beliau juga mengusahakan perniagaan sendiri dan seorang content creator



PENERAJU TUNAS POTENSI

Susanna Ubong Johnny



24 TAHUN • SARAWAK

FASIH BERTUTUR
BAHASA MANDARIN

- Anak ke-4 daripada 6 adik-beradik
- Tekad untuk belajar dengan bersungguh-sungguh setelah melihat ibunya bekerja keras untuk mencari rezeki
- Berjaya mendapat tawaran program Yayasan Sime Darby - Peneraju Tunas Potensi Bursary untuk melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran di UiTM Samarahan
- Penerima Anugerah Naib Canselor bagi pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda
- Gadis yang fasih bertutur dalam Bahasa Mandarin ini tamat pengajian dengan PNGK 3.91 dan kini berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir, Bahagian Pembangunan Komuniti & Korporat di Majlis Daerah Sarikei

#IniCeritaSaya
Kisah-kisah Realiti. Aspirasi. Inspirasi.

Penerima-penerima Faedah



PENERAJU SKIL

Program pembiayaan kemahiran bagi meningkatkan skil vokasional dan teknikal dengan pensijilan diiktiraf industri atau antarabangsa. Program ini mempunyai dua segmen iaitu Peneraju Skil Iltizam (pelajar tidak cenderung akademik) dan Peneraju Skil Mahir (pelajar SKM/DKM/DKLM/pekerja mahir) yang meliputi pelbagai industri





PENERAJU SKIL **ILTIZAM**

► AAT Advanced Diploma in Accounting with Cloud Accounting Certification

Nazatul Feeza Zulkifli



24 TAHUN •
KUALA LUMPUR

KENAIKAN GAJI 60%
SETELAH MEMPEROLEH
AAT

- Anak ke-2 daripada 3 adik-beradik
- Permohonan biasiswa ditolak berkali-kali kerana hanya mempunyai kelayakan London Chamber of Commerce & Industry (LCCI) yang tidak berapa dikenali pada ketika itu
- Mengambil inisiatif sendiri untuk melanjutkan pengajian dalam pensijilan Certified Accounting Technician (CAT) di bawah pembiayaan sendiri
- Tidak lama kemudian, terpaksa berhenti belajar kerana tidak mampu lagi untuk menanggung kos
- Tekad untuk bina laluan kerjaya terlebih dahulu dan mula bekerja sebagai pembantu akaun di firma perakaunan
- Atas dorongan keluarga, menyambung semula pengajian dan mencuba nasib untuk memohon program Yayasan Peneraju
- Kini bekerja di MyPOWER Corporation sebagai Lead, Account & Finance dengan kenaikan gaji sebanyak 60% setelah memperoleh pensijilan The Association of Accounting Technicians (AAT) dan berhasrat untuk mengambil pensijilan The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)



PENERAJU SKIL **ILTIZAM**

► Wireless Technology (Network Roll Out)

Muhammad Fitri Mohamad Mokhtar



22 TAHUN • SELANGOR

—
MEMILIKI SYARIKAT
SENDIRI DI USIA MUDA

- Anak ke-4 daripada 5 adik-beradik
- Menyertai program tajaan Yayasan Peneraju di Telecommunication Engineering College (TEC) ketika berumur 18 tahun
- Bekerja sebagai Unifi Dedicated Team dan Unifi Installer semasa tempoh pemantauan pekerjaan
- Atas prestasi yang baik sepanjang bekerja, beliau ditawarkan untuk membuka syarikat sebagai sub-kontraktor di bawah nama Aifit Enterprise
- Kini merupakan pemilik syarikat Aifit Enterprise dan mempunyai 11 orang pekerja



PENERAJU SKIL **ILTIZAM**

► Juruteknik Jaminan Kualiti

Nurul Amira Syafiqah Azli

24 TAHUN • PAHANG



PENDAPATAN
TERTINGGI HAMPIR
MENCECAH RM4,000

- Anak ke-2 daripada 3 adik-beradik
- Pernah bekerja sebagai pembantu di pusat jagaan kanak-kanak sebelum menyertai kursus Quality Assurance/Quality Control (QA/QC) di Kulim Advanced Technologies (KAT)
- Berkecimpung dalam bidang yang jarang menjadi pilihan utama wanita tidak jadi penghalang demi mengubah nasib keluarga
- Setelah tamat latihan, berjaya mendapat penempatan pekerjaan di Pulau Pinang tetapi tawaran ditolak kerana ingin mencari rezeki di Pahang
- Hasrat untuk bekerja di negeri kelahiran tercapai apabila berjaya mendapat tawaran bekerja dari Alps Alpine Malaysia Sdn Bhd, Jengka sebagai seorang Pembantu Produksi dan telah mencapai sasaran gaji minimum Yayasan Peneraju bagi program Peneraju Skil Iltizam
- Dalam masa enam bulan pemantauan pekerjaan, pendapatan tertinggi beliau hampir mencecah RM4,000 termasuk elaun dan kerja lebih masa hasil usaha keras
- Kini, ditempatkan di Alps Alpine Malaysia Sdn Bhd cawangan Negeri Sembilan dan mempunyai 20 orang pekerja di bawah seliaan beliau



PENERAJU SKIL **ILTIZAM**

► Tunnel Crew

Mohammad Haziq Jalaludin



24 TAHUN •
NEGERI SEMBILAN

—
DARI TUKANG CUCI KE
PLANT OPERATOR

- Anak sulung daripada 3 adik-beradik
- Berkelayakan PMR dan seterusnya menamatkan sekolah dengan sijil vokasional tahap 2
- Pernah bekerja sebagai tukang cuci di Hospital Kuala Pilah selama 2 tahun sebelum menyertai program tajaan Yayasan Peneraju
- Mengikuti latihan tunnel crew di bawah Jabatan Tenaga Manusia di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas
- Penerima anugerah Yayasan Peneraju STAR Awards 2019 kategori Peneraju Skil Iltizam (Industri Pembinaan) ketika bekerja sebagai Plant Operator di Gamuda Berhad selama 2 tahun



PENERAJU SKIL **ILTIZAM**

► Industrial Automation

Norsyamsiah Mohd Adib



26 TAHUN • KEDAH

MENJADI JURUTEKNIK
PEMASANGAN

- Anak sulung daripada 2 adik-beradik
- Bekerja separuh masa sebagai pengendali mesin sulaman di syarikat percetakan sebelum memilih untuk menceburi bidang automasi industri di KAT
- Menunjukkan prestasi cemerlang dan konsisten sepanjang tempoh program
- Karier bermula sebagai Junior Technician dengan Paradigm Metal Industries Sdn Bhd (PMI) di Kawasan Perindustrian Prai, Pulau Pinang selepas tamat latihan
- Dinaikkan pangkat sebagai juruteknik di bahagian pemasangan setelah melaksanakan tugas dengan bersungguh dan komited sehingga berjaya memperoleh gaji sasaran minimum yang ditetapkan oleh Yayasan Peneraju



PENERAJU SKIL **ILTIZAM**

► Juruteknik Jaminan Kualiti

Khairul Isyraf Daseri



23 TAHUN • KEDAH

PROGRAM YAYASAN
PENERAJU BATU
LONCATAN CAPAI
CITA-CITA

- Anak bongsu daripada 3 adik-beradik
- Pernah ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam bidang Kejuruteraan Komputer tetapi terpaksa menolak atas kekangan kewangan
- Membantu keluarga menguruskan perniagaan kedai makan sebelum menyertai program Yayasan Peneraju dengan azam untuk mengubah taraf hidup keluarga
- Beliau berjaya menamatkan program Juruteknik Jaminan Kualiti tajaan Yayasan Peneraju di KAT sebagai batu loncatan untuk menjadi jurutera perisian
- Merupakan penerima anugerah Yayasan Peneraju STAR Awards 2019 kategori Peneraju Skil Iltizam (Pembuatan)
- Berkhidmat sebagai FA Senior Technician di syarikat Sunningdale Tech Penang, Batu Kawan, Pulau Pinang dengan gaji bulanan sekitar RM3,200



PENERAJU SKIL ILTIZAM

► Automotif

Nur Fatin Inani Harun



24 TAHUN • PERAK

MENCEBURI INDUSTRI
YANG DIDOMINASI
KAUM LELAKI

- Anak ke-7 daripada 10 adik-beradik
- Pernah mendapat beberapa tawaran untuk menyambung pengajian tetapi beliau menolak semua tawaran kerana tidak mahu menambah beban kepada ibu bapa dan tidak mahu berhutang
